

| | | | |
|------------|---------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Kawal hidupan pokok | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 17 Oct 2012 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 60,000 |
| Page No | 42 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 153 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 842 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,525 |



Kawal hidupan pokok

KUALA KUBU BHARU - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) terpaksa memotong dan menebang beberapa batang pokok mati sekitar kawasan ini bagi menjamin keselamatan selain mengekalkan hidupan pelbagai spesies pokok yang dijangkiti penyakit.



JUNAINAH

Penolong Pegawai Penerangan, Unit Aduan, Perhubungan Awam & Korporatnya, Junainah Abdullah berkata, hasil siasatan dan pemerhatian Jabatan Landskap MDHS bersama pegawai dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mendapati pokok yang mati adalah dari spesies 'pterocarpus indicus' atau angšana yang berpunca dari sejenis penyakit layu (angšana wilt) atau penyakit layu vaskular (vascular wilt disease) yang disebabkan oleh sejenis kulat 'fusarium oxysporum'.

"Jangkitan kulat ini menyebabkan ke-segahan daun merosot, layu dan menjadi kering yang akhirnya gugur dan dalam tempoh empat hingga lima minggu selepas gejala pertama pada pokok akan menyebabkan pokok mati.

"Penyakit ini boleh merebak dengan cepat. Justeru, langkah pengawalan sedang dijalankan oleh Jabatan Landskap dengan menebang poko yang telah mati dan akar pokok dibongkah secepat mungkin bagi mengelakkan kulat tersebut merebak," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, bagi pokok bersebelahan yang masih baik dan di peringkat awal jangkitan, penggunaan racun kulat 'thiabendazole' akan diguna untuk pengawalan penyakit.

Manakala, bagi pokok yang telah ditanam, pihak jabatan akan menanam semula pokok Khaya Senegalensis (African Mohagany) dan Swietenia Macrophyllaa (pokok mohagani) untuk mengekalkan kehijauan bandar Kuala Kubu Bharu.

Katanya, jangkitan kulat itu sebenarnya dikenal pasti berlaku di Johor Bharu, Kemaman, Kuantan, Chuping dan Singapura.

"MDHS terpaksa membuat penjelasan terperinci disebabkan banyak aduan dan protes yang diterima berikutan langkah penebangan pokok yang telah dan sedang dijalankan," katanya.